

‘Tindakan motif politik, jejas demokrasi’

Kuala Lumpur: Cadangan Tun Dr Mahathir Mohamad supaya ditubuhkan sebuah badan seperti Majlis Gerakan Negara (MAGERAN) tidak sesuai dilaksanakan kerana ia boleh merencatkan proses demokrasi, selain bermotif politik.

Beberapa penganalisis politik berpendapat cadangan Pengurus Penaja Parti Pejuang Tanah Air (PEJUANG) itu juga janggal kerana kerajaan dilantik Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah masih berfungsi.

Profesor Madya di Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mohd Izani Mohd Zain, berpendapat tiada keperluan mewujudkan MAGERAN kerana situasi negara tidak sama seperti 1969 yang berdepan masalah keselamatan.

Katanya, negara kini berada dalam keadaan darurat kesihatan dan kerajaan juga masih berfungsi dengan baik.

“Parti politik pun semakin akur dengan situasi pandemik COVID-19 dan tidak ada mana-mana parti yang mendesak

supaya Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) dibuat segera.

“Apa yang lebih penting, selepas darurat selesai Ogos ini, amalan demokrasi perlu dihidupkan semula seperti pembukaan sidang Parlimen,” katanya yang juga Felo Penyelidik Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya, Universiti Malaya (UMCEDEL).

Dr Mahathir ketika menghadap Al-Sultan Abdullah kelmarin mencadangkan penuhan MAGERAN atas keyakinan ia mampu menyelesaikan isu ekonomi, politik, sosial dan kesihatan yang dihadapi negara, kesan penularan pandemik COVID-19.

Beliau dilaporkan berkata, keyakinan itu bersandarkan kejayaan penuhan MAGERAN pada 1969 yang diketuai bekas Timbalan Perdana Menteri, Al-lahyarham Tun Abdul Razak Hussein, menyelesaikan masalah politik dihadapi ketika itu dan

negara kekal stabil untuk tempoh panjang.

Selain itu katanya, badan seperti MAGERAN lebih mampu memastikan jumlah jangkitan dan kematian ketika ini berkurangan kerana ia bukan saja di barisi ahli politik, malah teknokrat seperti pakar epidemiologi dan seumpamanya.

Sementara itu, Profesor di Pusat Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani, berkata konsep dicadangkan Dr Mahathir tidak sama dengan MAGERAN pada 1969.

Katanya, beliau melihat idea Dr Mahathir itu lebih kepada untuk menafikan kepemimpinan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin supaya diganti individu lain.

“Mungkin beliau sendiri (jadi ketua), mungkin juga Tengku Razaleigh Hamzah atau sesiapa sahaja untuk mentadbir negara se-

hingga PRU-15.

“Konsep MAGERAN yang Tun kemukakan ini lain, tidak sama dengan MAGERAN 1969, jadi lagilah tidak sesuai untuk diadakan,” tegasnya.

Mohd Azizuddin berkata, penubuhan MAGERAN juga sukar untuk dilaksanakan kerana ia bukan sahaja tidak dipersetujui oleh kerajaan malah ditentang oleh parti pembangkang seperti Pakatan Harapan (PH) dan UMNO sendiri.

“MAGERAN hanya boleh dicadangkan kerajaan dan diterima oleh Agong,” katanya.

Penganalisis politik dari Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dr Sivamurugan Pandian, pula berkata tiada keperluan untuk menubuhkan MAGERAN kerana kerajaan yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong bukan sahaja berfungsi, malah sudah menubuhkan Jawatankuasa Khas Bebas Darurat 2021.

Katanya, suasana pada hari ini juga berbeza dan tidak boleh disamakan dengan 1969 sewaktu negara berdepan darurat keselamatan.



Mohd Izani